

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [ 3 jam ]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan pilih EMPAT [4] soalan dalam Bahagian B.

SEMUA soalan menggunakan Bahasa Malaysia baku sebagai titik rujukan.

BAHAGIAN A

Jawab SEMUA soalan. Untuk soalan SATU [1] dan DUA [2], jangan tinggalkan sebarang proses dan rajah pohon, dan setiap penjelasan memerlukan bukti mengapa huraian yang diberikan sebegitu rupa.

1. Terangkan dengan lengkap binaan ayat (i-iv), secara berasingan.

[i] Zeni tidak senang dengannya. (A. Samad Said, *Lazri Meon*, 1992: 38)

[ii] Tiap-tiap hari dipelihara oleh Umar binatang-binatang itu. (Baharuddin Zainal [penyelenggara], *Hikayat Umar Umayah*, 1990: 67)

[iii] Kini Pak Abu dan Kak Sum duduk di ruang depan. (Haji Magon Haji Ghafar, *Memori Kehidupan*, 1995: 27).

[iv] Semua rujukan al-Qur'an yang mengandungi perkataan *mutashabih* membawa erti penambahan persamaan. (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Qur'an* 1993: 72)

[35 markah]

2. Lihat petikan berikut dari *Memori Kehidupan* (Haji Magon Haji Ghafar, 1995: 90). Nyatakan jenis ayat yang digariskan, dan huraikan dengan lengkap binaan ayat-ayat tersebut.

[25 markah]

“Boleh lipat lengan baju tu” Dayang Amit melipat lengan baju kanannya hingga ke paras bahu. Doktor Rosni memegangnya sambil memasang pengesan tekanan darah, selepas itu dia mencatat dalam kad.

“Buka mulut.” Dayang Amit membuka mulutnya. Kemudian Doktor Rosni memasukkan *thermometer* ke mulut Dayang Amit.

“Tutup.” Dayang Amit menutup mulutnya. Beberapa saat kemudian Doktor Rosni mencabut *thermometer* sambil membacanya dan lepas itu mencatat ke dalam kad. kemudian dengan menggunakan *stethoscope* dia memeriksa tekanan jantung melalui dada dan belakang sambil menyuruh Dayang Amit menarik nafas.

### **BAHAGIAN B**

3. Menggunakan ayat “Pak Abu memetik gambusnya” dari *Memori Kehidupan* (Haji Magon Haji Ghafar, 1995: 12),

- [a] tunjukkan dengan jelas RSF (SL) dan berikan narasinya, dan  
[b] jelaskan konsep penaungan.

[10 markah]

4. Menggunakan ayat “Tuhan tidak akan membenci Adam kerana ia telah melakukan dosa kepada Tuhan” dari *Karya Sebagai Sumber Makna Pengantar Strukturalisme* (Umar Junus, 1988: 1984), tunjukkan:

- [a] kurungan berlabel (SL),
- [b] konstituen terdekat (SL),
- [c] ayat induk, dan
- [d] ayat kecil.

[10 markah]

5. Perlihatkan Fungsi Gramatic (FG - SL) dan bukti FG untuk bahagian bergaris dalam ayat dari *Hikayat Umar Umayah* (Baharuddin Zainal [penyelenggara], 1990: 51).

[10 markah]

Pada suatu hari ia pergi ke rumah perdana menteri untuk menggunting rambut dan mengandam janggut dan misainya

6. Berikan definisi ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, dan ayat majmuk pancangan. Sertakan satu contoh untuk setiap satu ayat. Untuk ayat majmuk gabungan, berikan contoh yang memperlihatkan gabungan pada subjek. Untuk ayat majmuk pancangan, berikan contoh yang memperlihatkan pancangan pada objek.

[10 markah]

7. Perlihatkan empat pola ayat dasar bahasa Malaysia. Sertakan satu contoh ayat tunggal untuk setiap satu pola. Jelaskan juga mengapa satu pola itu boleh diserapkan ke dalam satu pola lain.

[10 markah]

8. Perlihatkan senario yang boleh membezakan rujukan anafarik dan rujukan kataforik, dan hasilkan satu ayat sahaja yang boleh digunakan untuk kedua-dua rujukan.

[10 markah]